

**Najib Terima Kunjungan Hormat Setiausaha Pertahanan Amerika
Bernama
25 Aug, 2013**

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menerima kunjungan hormat Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat Chuck Hagel di sini Ahad.

Hagel, diiringi Ketua Staf Mark Lippert dan Kuasa Usaha Kedutaan Amerika Syarikat Lee McClenny meluangkan masa kira-kira 45 minit bersama Najib.

Turut hadir Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin.

Hagel yang tiba di negara ini Sabtu dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia, sebagai sebahagian daripada program kunjungannya ke empat negara di Asia Tenggara.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=972522>